proses pengamatan di dalam bahan logam. Faktor penyumbang lain adalah pembangunan sistem pengesan neutron yang bersesuaian untuk digunakan di dalam bidang tomografi.

Dengan adanya kemudahan neutron di Malaysia, ia sekaligus membolehkan tomografi neutron digunakan sebagai salah satu kaedah untuk melakukan ujian tanpa musnah ke atas bahan-bahan industri. Walaupun begitu, proses untuk membangunkannya memerlukan kajian yang teliti agar ia mampu beroperasi dengan baik. Oleh itu beberapa faktor perlu diambil kira sebelum pembangunan sistem tomografi yang diinginkan dapat direalisasikan. Antaranya ialah penggunaan sumber neutron yang bersesuaian, masa pengumpulan data yang diperlukan, algoritma pembinaan semula imej yang digunakan dan juga kualiti imej yang akan diperolehi.

Pada masa ini kebanyakan sistem tomografi neutron yang sedia ada menggunakan sumber neutron polikromat. Sumber neutron polikromat ini cenderung untuk menghasilkan kesan pengerasan alur di dalam imej tomografi yang terhasil (Dierick, 2005; Fu dan Hu, 2006; Krimmel *et al.*, 2005). Kesan ini akan menyebabkan artifak di dalam imej yang dibina semula. Dengan menggunakan sumber neutron monokromat daripada kemudahan *Small Angle Neutron Scattering* (SANS) di Reaktor Triga Mark II, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia), Bangi, kesan ini diharap dapat dielakkan.

Masa pengumpulan data untuk menyiapkan sesuatu eksperimen tomografi adalah amat penting. Ia menyumbang secara langsung terhadap kemampuan sistem yang dibangunkan menyiapkan eksperimen yang dikehendaki. Disebabkan sumber neutron yang diperolehi daripada kemudahan SANS secara amnya mempunyai

keamatan fluks yang rendah, satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui masa dedahan yang bersesuaian di mana masa dedahan yang dipilih tidak akan menyebabkan proses pengumpulan data berlanjutan sehingga beberapa hari lamanya dan tidak juga menghasilkan imej yang tidak berkualiti. Selain masa dedahan, jumlah unjuran yang digunakan juga turut menyumbang kepada penambahan masa pengumpulan data. Oleh itu unjuran minimum yang mampu diberikan oleh sistem dengan kualiti imej yang baik turut akan dikaji.

Selain daripada itu, kualiti imej bina semula yang dibina oleh sistem perlu dikaji untuk mengetahui prestasi sistem tomografi yang dibina. Kajian ke atas kualiti imej biasanya dibuat berdasarkan nisbah isyarat-hingar (SNR) dan resolusi ruang terkecil yang mampu dikesan oleh sistem. Keputusan dan kualiti imej yang diperolehi akan dibincangkan untuk melihat sejauh mana keberkesanan sistem ini. Cadangan untuk penambahbaikan akan disyorkan untuk memastikan kemudahan tomografi neutron yang pertama di Malaysia dan Asia Tenggara ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

1.3 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini dilakukan berdasarkan beberapa objektif iaitu:

- Membangunkan sistem tomografi neutron berasaskan sumber neutron monokromat menggunakan pengesan sensitif kedudukan (PSD).
- Mengkaji masa dedahan, bilangan sampel per unjuran dan jumlah unjuran yang bersesuaian untuk sistem. Selain itu resolusi terkecil yang mampu dikesan oleh sistem juga dikaji.
- Membandingkan algoritma-algoritma pembinaan semula imej yang sedia ada berdasarkan nilai SNR dan resolusi yang diperolehi daripada imej bina semula.

- Mengaplikasi sistem tomografi neutron di dalam bidang ujian tanpa musnah.

1.4 Garis Panduan Tesis

Selepas bab pengenalan ini, bab 2 menerangkan aspek-aspek berkaitan dengan tomografi neutron. Bab ini membincangkan teori berkaitan neutron dan penggunaannya di dalam pengimejan tomografi. Selain itu bab ini turut menyentuh mengenai aplikasi tomografi neutron dan status kemudahan tomografi neutron yang ada pada masa ini. Bab 3 seterusnya membincangkan aspek-aspek pembinaan semula imej tomografi. Bab ini menyentuh secara mendalam berkaitan dengan algoritma-algoritma yang digunakan di dalam tomografi bina semula di mana perbezaan, kelebihan dan kelemahan setiap kaedah yang digunakan dibincangkan. Bab 4 pula menerangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini dan peralatan yang digunakan untuk merealisasikan hasrat itu. Seterusnya keputusan eksperimen yang disertai dengan perbincangan lanjut berkaitan keputusan yang diperolehi dibincangkan di dalam bab 5. Bab 6 pula memperkatakan tentang kesimpulan projek di samping cadangan yang dikemukakan di dalam penambahbaikan sistem tomografi neutron untuk masa hadapan.

BAB 2

TOMOGRAFI NEUTRON

2.0 Pengenalan

Neutron pada kebiasaannya boleh ditemui di dalam semua nukleus atom unsur (kecuali hidrogen) dan ia merupakan satu partikel yang tidak bercas. Neutron membentuk binaan asas bagi sesuatu unsur bersama-sama dengan elektron dan proton, di mana berat neutron adalah bersamaan dengan berat proton. Sejarah berkaitan dengan neutron telah bermula seawal tahun 1932, di mana Chadwick telah menemui satu partikel yang tidak bercas di dalam unsur yang kemudian dinamakannya sebagai neutron (Dayou, 1996). Penyelidikan berkaitan neutron yang dilakukan oleh Chadwick adalah berdasarkan usaha saintis-saintis terdahulu seperti Bothe, Becker, Curie dan ramai lagi. Daripada penyelidikan tersebut, beliau telah merumuskan bahawa partikel neutron dan proton merupakan binaan asas bagi sesuatu unsur. Penyelidikan tersebut kemudiannya telah disempurnakan oleh Ramsey di mana beliau telah menjelaskan bahawa zarah neutron adalah amat kecil dan bersifat neutral (Ramsey, 1983).

Penemuan neutron ini merangsang minat di dalam penyelidikan berkaitan penggunaannya, terutamanya di dalam bidang pemeriksaan ujian tanpa musnah. Pemeriksaan ujian tanpa musnah menggunakan neutron bermula apabila Kallman dan Kuhn (1935) melakukan eksperimen radiografi neutron yang pertama di Berlin, Jerman, menggunakan neutron yang dihasilkan daripada kemudahan pemecut zarah (Van Der Hardt dan Rottger, 1981). Walaupun begitu, penyelidikan yang dilakukan oleh Kallman dan Kuhn itu hanya sekadar dapat membuktikan bahawa neutron juga boleh digunakan di dalam bidang ujian tanpa musnah tanpa memperolehi keputusan yang memberangsangkan. Perkembangan selanjutnya berkaitan penggunaan neutron di dalam

bidang ujian tanpa musnah dapat dilihat serentak dengan pembinaan reaktor nuklear penyelidikan yang pertama di dunia iaitu di Harwell, Britain di mana eksperimen radiografi neutron yang dilakukan oleh Thewlis dan Derbyshire (1965) telah berjaya memperolehi kualiti imej radiografi yang lebih baik daripada penyelidikan yang dilakukan oleh Kallman dan Kuhn (1935) (Von Der Hart dan Rottger, 1981). Penyelidikan berkaitan tomografi neutron pula hanya bermula selepas 1980-an serentak dengan penciptaan pengesan neutron yang lebih canggih seperti pengesan kamera peranti cas terganding ataupun *charge coupled device* (CCD), pengesan flat panel dan pengesan PSD. Minat di dalam penyelidikan berkaitan tomografi neutron ini turut sama didorong oleh perkembangan yang telah lama wujud di dalam tomografi sinar-x (Lehmann *et al.*, 2000). Walaupun begitu, penyelidikan berkaitan bidang ini masih kurang dijalankan disebabkan kurangnya sumber neutron berkeamatan tinggi di kebanyakan reaktor-reaktor penyelidikan nuklear yang ada hari ini.

2.1 Sifat-Sifat Am Alur Neutron

Neutron sepertimana juga unsur-unsur lain, turut mempunyai sifat-sifat am yang membezakannya daripada unsur yang lain. Sifat-sifat am bagi neutron ditunjukkan di dalam Jadual 2.1. Pada umumnya neutron merupakan satu partikel yang tidak bercas dan ia terdiri daripada 3 kuark utama yang mana satu kuark terletak di bahagian atas dan yang selebihnya berada di bahagian bawah. Sebagai satu partikel yang bebas, neutron adalah tidak stabil dan akan bergerak bebas ke semua arah termasuklah ke arah proton, elektron dan sebagainya dengan separuh-hayat 648.0 ± 9.6 s ataupun lebih kurang 11 minit (Dierick, 2005).

Jadual 2.1: Sifat-sifat am alur neutron (Dierick, 2005)

Jisim	939.5656 MeV/c ²	Pusingan	1/2
Cas	0 C	Momen Magnet	-1.9130427(5) μN
Jejari	8.10 ⁻¹⁶ m	Komponen Kuark	bba ¹
Hayat min	885.7 \pm 0.8s		

Selain daripada mempunyai sifat penembusan yang sama dengan sinar-x dan sinar- γ , neutron juga boleh diklasifikasikan sebagai gelombang kerana ia turut mematuhi teori de Broglie berkaitan dengan panjang gelombang (www.neutra.web.psi.ch). Ini boleh dilihat daripada Persamaan (2.1) yang mengaitkan jisim neutron, (m), halaju neutron, (v_n), panjang gelombang neutron, (λ), pemalar Planck, (h) dan tenaga kinetik, (E) yang ada pada neutron.

$$E = \frac{mv_n^2}{2} = \frac{h^2}{2m} \cdot \frac{1}{\lambda^2} \quad (2.1)$$

Dengan menganggap jisim neutron, $m = 1.6749 \times 10^{-27}$ kg dan pemalar Planck, $h = 6.626068 \times 10^{-34}$ m²kgs⁻¹, maka Persamaan (2.1) boleh ditulis semula menjadi,

$$E = \frac{81.8}{\lambda^2} \quad (2.2)$$

Oleh itu adalah menjadi satu kebiasaan untuk mengaitkan tenaga yang dimiliki oleh neutron sebagai panjang gelombangnya. Pengelasan yang lebih lanjut berkaitan neutron boleh dilihat dalam Jadual 2.2. Berdasarkan Jadual 2.2, didapati zarah neutron boleh diwakilkan daripada julat ultra sejuk ke julat neutron pantas iaitu pada julat tenaga di antara 0.5 meV sehingga 0.8 MeV. Setiap kelas neutron akan menunjukkan perbezaan daripada segi interaksi dengan bahan walaupun bahan ujian yang sama digunakan.

¹ bba - bawah bawah atas

Jadual 2.2: Pengkelasan neutron berdasarkan tenaga dan panjang gelombang (Dierick, 2005)

Neutron	Julat tenaga	Panjang gelombang (nm)
Ultra Sejuk	$\leq 0.5\text{meV}$	≥ 1.28
Sejuk	$0.5\text{meV} - 2\text{meV}$	$1.28 - 0.64$
Terma	$2\text{meV} - 100\text{meV}$	$0.64 - 0.09$
Epiterma	$100\text{meV} - 1\text{eV}$	$0.09 - 0.028$
Pertengahan	$1\text{eV} - 0.8\text{MeV}$	$0.028 - 3.0 \times 10^{-5}$
Pantas	$> 0.8\text{MeV}$	$> 3.0 \times 10^{-5}$

Dalam kaedah tomografi mahupun radiografi neutron, maklumat yang diukur ialah nilai pengecilan yang berlaku apabila neutron melalui sesuatu bahan. Nilai pengecilan ini berkait secara langsung dengan keratan rentas ataupun pekali pengecilan linear, μ untuk bahan tersebut di mana keratan rentas adalah maklumat penting yang digunakan untuk mengukur tahap kepekaan bahan berkenaan terhadap alur neutron. Selain bergantung kepada keamatan fluks neutron, keratan rentas untuk neutron adalah berkadar songsang dengan halaju neutron, v_n . Keratan rentas neutron diberikan oleh Persamaan (2.3) (Dierick, 2005);


$$\sigma = \sigma_{is} + \sigma_{abs, v_{ref}} \cdot \frac{v_{ref}}{v_n} \quad (2.3)$$

di mana σ_{is} adalah keratan rentas serakan tak kenyal, $\sigma_{abs, v_{ref}}$ pula adalah keratan rentas penyerapan pada tenaga tertentu, v_{ref} adalah tenaga neutron tertentu dan v_n adalah halaju neutron. Berdasarkan Persamaan (2.3), didapati keratan rentas penyerapan bahan akan menurun jika halaju neutron semakin tinggi.

Tindakbalas yang biasa berlaku di antara neutron dengan bahan adalah tindakbalas serapan, serakan dan pembiasan. Untuk tindakbalas serapan, nilai keamatan neutron yang melalui bahan tersebut akan berkurang secara berkadar terus dengan keratan rentas yang dipunyai oleh bahan tersebut. Akan tetapi pengurangan ini tidak akan mengganggu perambatan alur neutron di dalam bahan tersebut. Untuk tindakbalas serakan pula, keamatan dan arah perambatan neutron akan terganggu manakala tindakbalas pembiasan akan hanya mengubah arah perambatan neutron.

Nilai untuk keratan rentas neutron bagi sesuatu unsur tidak bergantung kepada nombor atomnya, Z , sebagaimana yang berlaku terhadap sinar-x dan sinar- γ (Halmshaw dan Hunt, 1975; www.neutra.web.psi.ch). Walaupun terdapat pelbagai jadual yang mencatatkan keratan rentas untuk neutron, akan tetapi ia adalah berbeza dan hanya unik bagi kelas-kelas tenaga yang sama sahaja. Sifat-sifat am neutron yang sukar diramal ini tidaklah menjadikan neutron sebagai satu unsur yang tidak berguna. Malahan saintis telah mendapati dan membuktikan yang kelemahan ini boleh dijadikan kelebihan penggunaannya. Oleh kerana neutron tidak mematuhi jadual berkala unsur sepertimana sinar-x, ia dapat digunakan untuk melakukan ujikaji di mana sinar-x gagal melakukannya. Ini membolehkan neutron mengesan atom-atom kecil yang hadir dalam bahan logam bernombor atom besar yang gagal dikesan oleh sinar-x dan sinar- γ sedangkan atom-atom ini sering ditemui dalam peralatan industri (Bayon *et al.*, 1983). Selain itu, penggunaan neutron terhadap unsur-unsur ringan seperti hidrogen dan boron didapati menunjukkan tindakbalas yang besar sepertimana yang berlaku terhadap unsur-unsur berat seperti kadmium dan gadolinium. Dalam pada masa yang sama, logam ringan seperti aluminium dan logam berat seperti plumbum menunjukkan tindakbalas yang kecil dan hampir dapat diimej sepenuhnya dengan menggunakan neutron.

Rajah 2.1 menunjukkan perbandingan bagi sesetengah unsur untuk neutron dan sinar-x berdasarkan nombor atom yang dimiliki. Dapat dilihat daripada Rajah 2.1 bahawa interaksi bagi neutron dengan atom-atom yang lain tidak dipengaruhi oleh nombor atom, Z. Neutron juga menunjukkan interaksi yang besar terhadap atom-atom kecil seperti hidrogen dan boron berbanding dengan sinar-x.




Rajah 2.1: Perbandingan berkaitan interaksi untuk bahan-bahan tertentu antara neutron dan sinar-x. Bulatan yang lebih besar bermaksud interaksi yang lebih besar berlaku (www.neutra.web.psi.ch)


2.2 Reaktor Triga Mark II

Reaktor Penyelidikan Nuklear Triga Mark II di Malaysia telah mula dibina di Bangi, Selangor pada tahun 1972 dan siap pada tahun 1976. Reaktor Triga Mark II dibina untuk memberikan pendedahan kepada penyelidik-penyelidik Malaysia di dalam bidang nuklear terutamanya bidang penyelidikan, latihan dan pengeluaran isotop. Reaktor Triga Mark II dengan keamatan fluks $5 \times 10^{12} \text{ ncm}^{-2}\text{s}^{-1}$ di dalam teras reaktor mula beroperasi pada tahun 1982.

Rajah 2.2 menunjukkan pandangan atas dewan Reaktor Triga Mark II. Antara kemudahan-kemudahan yang ada di Reaktor Triga Mark II adalah kemudahan SANS, kemudahan radiografi neutron (NUR 2) dan kemudahan penganalisan neutron teraktif ataupun *neutron activation analysis* (NAA). Kesemua kemudahan ini ditempatkan pada lubang pancar yang berasingan. Susun atur bagi semua lubang pancar boleh dilihat pada keratan rentas Reaktor Triga Mark II dalam Rajah 2.3. Kemudahan SANS diletakkan di lubang pancar jejarian tembus, kemudahan NUR 2 pada lubang pancar jejarian 1 dan kemudahan NAA menggunakan sumber neutron daripada teras reaktor yang terletak di dalam tangki reaktor.



Rajah 2.2: Pandangan atas dewan Reaktor Triga Mark II di Agensi Nuklear Malaysia




Rajah 2.3: Keratan rentas Reaktor Triga Mark II di Nuklear Malaysia

2.3 Kemudahan Neutron Terserak Bersudut Kecil (SANS)

Kemudahan SANS yang digunakan sebagai sumber utama radiasi sistem tomografi neutron yang dibangunkan ditempatkan di lubang pancar jejarian tembus pada Reaktor Triga Mark II di mana lubang pancar tersebut mampu menghasilkan keamatan fluks neutron yang tinggi. Ini adalah kerana neutron pada lubang pancar tersebut tidak ditapis oleh pemantul grafit apabila ia bergerak keluar daripada teras reaktor. Ini boleh dilihat daripada Rajah 2.3. Neutron yang diperolehi daripada lubang pancar ini terdiri daripada neutron pantas, neutron terma serta neutron epiterma. Pada masa sekarang, kemudahan SANS digunakan bagi tujuan pencirian bahan terutamanya di dalam bidang metalurgi dan polimer.

Rajah 2.4 menunjukkan susun atur kemudahan SANS. Ia dilingkungi oleh perisai biologi yang diperbuat daripada campuran simen dan plumbum sebagai konkrit

perisaian utama (Ramli dan Deraman, 1986). Sebahagian besar daripada peralatan utama kemudahan ini seperti kriostat dan monokromator terletak di dalam konkrit perisai di mana sebahagian lagi terutamanya pengkolimat dan pengesan diletakkan di luar konkrit perisai.



Rajah 2.4: Susun atur sistem pengkolimat kemudahan SANS

Dengan merujuk kepada Rajah 2.4, apabila alur neutron keluar daripada teras reaktor melalui lubang pancar, ia akan ditapis oleh penapis Berilium yang berada di dalam kriostat sebelum dipantulkan menggunakan pemantul monokromator (Ramli dan Deraman, 1986). Seterusnya alur neutron yang terhasil iaitu di dalam julat panjang gelombang 0.5 nm akan bergerak ke kedudukan objek. Untuk sampai ke tempat objek diletakkan, alur neutron akan melalui lubang pengkolimat berdiameter 100 mm yang telah divakum bagi memandu neutron supaya bergerak di dalam keadaan lurus dan mengelakkan neutron daripada bertindakbalas dengan partikel-partikel lain yang berada

di dalam pengkolimat. Partikel-partikel ini berkemungkinan akan mengurangkan keamatan neutron yang diperolehi di hujung pengkolimat. Jadual 2.3 memaparkan beberapa parameter penting berkaitan dengan kemudahan SANS.

Jadual 2.3: Parameter-parameter untuk kemudahan SANS

Parameter	Nilai
Keamatan fluks neutron	$2.1 \times 10^4 \text{ ncm}^{-2}\text{s}^{-1}$
Panjang Gelombang	0.5 nm
Resolusi Panjang Gelombang	5.2%
Nisbah Pengkolimat	70
Diameter pengkolimat	100 mm


Kemudahan ini mampu membekalkan fluks neutron pada keamatan $2.1 \times 10^4 \text{ ncm}^{-2}\text{s}^{-1}$ dengan menggunakan pengkolimat berdiameter 100 mm dan panjang 4 m (Ramli dan Fatah, 1994). Sumber neutron yang dihasilkan oleh kemudahan SANS adalah sumber neutron monokromat. Beberapa eksperimen yang dilaksanakan oleh pusat-pusat penyelidikan di Eropah mendapati sumber neutron monokromat mampu memberikan imej tomografi yang berkualiti bersamaan dengan kualiti yang diperolehi daripada sumber-sumber lain seperti neutron terma dan neutron sejuk (Treimer *et al.*, 2005a; Treimer *et al.*, 2005b dan Dierick, 2005). Seterusnya maklumat tambahan berkaitan alatan-alatan yang digunakan di kemudahan SANS ditunjukkan di dalam Jadual 2.4.

Jadual 2.4: Alatan-alatan yang digunakan di dalam kemudahan SANS

Sistem monokromator	Berilium yang disejukkan oleh cecair nitrogen dengan pemantul monokromator [002] HOPG pada sudut 96.38° , 2θ . Dengan panjang gelombang 0.5 nm.
Pengkolimat	Pengkolimat boleh ubah dilengkapi perisai dengan L = 1, 2 dan 4 meter. Bukaannya pengkolimat boleh ubah dengan D = 12, 25, dan 50 mm. Binaan bukaannya daripada aluminium dan silikon.
Pengesan neutron	128 x 128 He-3 PSD
Tiub pengkolimat kedua	Tiub boleh ubah divakum dengan L = 1, 2 dan 4 meter dengan D = 1000 mm
Perisian pengumpulan data	Z180 dan memori histogram serta analisis data dan kawalan instrumen. Pengantaramukaannya Quick Basic.

2.3.1 Kriostat


Kriostat yang turut mengandungi penapis berilium berfungsi untuk menapis alur neutron yang mempunyai julat panjang gelombang kurang daripada 0.4 nm (Ramli dan Deraman, 1986). Kriostat terdiri daripada ketulan-ketulan logam berilium yang telah dipotong mengikut saiz tertentu, tangki cecair nitrogen dan tangki vakum yang ditempatkan di luar pengkolimat utama lubang pancar. Logam berilium yang digunakan pula disejukkan pada suhu -176°C menggunakan cecair nitrogen dan berfungsi untuk memastikan kesemua neutron melalui kriostat ditukarkan kepada neutron terterma. Alur neutron yang melalui kriostat ini akan dikolimatkan menggunakan sangkar-sangkar kadmium untuk mendapatkan alur neutron yang selari. Alur neutron yang selari ini adalah penting untuk memastikan neutron dapat dipantulkan pada sudut yang tepat oleh monokromator. Rajah 2.5 menunjukkan kriostat dan binaan asas untuk penapis berilium.



Rajah 2.5: Kriostat dan penapis berilium

2.3.2 Monokromator

Monokromator berfungsi untuk memantul alur neutron yang diperolehi daripada penapis berilium dan ia akan hanya memantulkan alur neutron yang mempunyai panjang gelombang 0.5 nm. Monokromator yang digunakan dibina daripada tiga lapisan *highly oriented pyrolytic graphite* (HOPG) dan mempunyai sudut serakan sekitar 0.80° . Monokromator yang digunakan mampu memantulkan kira-kira 80 % daripada keamatan neutron yang diterimanya (Ramli dan Fatah, 1994). Ia diletakkan di atas goniometer bagi membolehkannya dipusingkan dan digerakkan ke mana-mana arah yang dikehendaki. Ini adalah untuk memastikan sumber neutron pada ketumpatan fluks yang optimum diperolehi. Rajah 2.6 menunjukkan monokromator yang digunakan di dalam kemudahan SANS.



Rajah 2.6: Monokromator yang digunakan pada kemudahan SANS

2.3.3 Lubang Pengkolimat

Lubang pengkolimat berfungsi untuk menyalurkan alur neutron ke tempat objek diletakkan. Ia bermula selepas monokromator dan berakhir sebelum tempat objek diletakkan. Pengkolimat divakumkan bagi membolehkan alur neutron bergerak bebas di dalam pengkolimat tersebut. Bukaan bulat berdiameter 50 mm diletakkan di awal lubang pengkolimat bertujuan untuk mendapatkan alur neutron yang selari. Lubang pengkolimat dibina daripada empat bahagian terpisah dengan jarak maksimum 4 m. Setiap bahagian pengkolimat boleh dipisahkan untuk mendapatkan keamatan neutron yang berlainan. Keamatan fluks untuk panjang pengkolimat yang berbeza boleh dilihat di dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.5: Keamatan fluks untuk kemudahan SANS (Ramli dan Fatah, 1994)


Panjang Pengkolimat, L (m)	Diameter bukaan, D (mm)	Keamatan Fluks ($\text{ncm}^{-2}\text{s}^{-1}$)
1	50	3.3×10^5
	25	2.1×10^4
	15	1.1×10^3
2	50	8.3×10^4
	25	5.2×10^3
	15	2.8×10^2
4	50	2.1×10^4
	25	1.3×10^4
	12	6.9×10^1

2.4 Nisbah Pengkolimatan (L/D)

Nisbah pengkolimatan, L/D adalah merupakan parameter terpenting di dalam pengimejan neutron di samping keamatan fluks neutron (Dos Reis, 1989). L merupakan jarak antara bukaan dengan pengesan dan D adalah diameter bukaan depan pengkolimat (Tsipenyuk, 1997). Ini ditunjukkan di dalam Rajah 2.7. Daripada nilai L/D pengkolimat, kekaburan disebabkan oleh ketidaktajaman alur, pencapahan alur dan hubungan antara keamatan fluks pada bukaan dengan keamatan fluks pada tempat objek melalui hubungan *inverse-square* (anggaran) dapat diketahui (Raine III *et al.*, 1999; Supramaniam, 2007). Perkaitan antara keamatan fluks neutron dengan nisbah pengkolimat diberikan oleh (Von Der Hardt dan Rottger, 1981)


$$\frac{\phi_i}{\phi_o} = 16 \left(\frac{L}{D} \right) \quad (2.4)$$

di mana D adalah bukaan pengkolimat, L adalah jarak antara D dengan pengesan, ϕ_o pula ialah jumlah keamatan fluks pada hujung pengkolimat dan ϕ_i ialah jumlah keamatan fluks pada bukaan pengkolimat. Daripada Persamaan (2.4) dapat diperhatikan yang keamatan fluks pada pengesan, ϕ_o akan semakin bertambah jika nilai L/D rendah digunakan (rujuk Rajah 2.7).



Rajah 2.7: Susunan skema bagi fasiliti pengimejan neutron

Selain daripada itu, L/D juga menyumbang ke atas resolusi ruang melalui kekaburan yang dinilai daripada ketidaktajaman alur, U_G . Kaitan antara ketidaktajaman alur dengan L/D boleh dilihat daripada Rajah 2.8.



Rajah 2.8: Ketidaktajaman alur

Ketidaktajaman alur, U_G diberikan oleh Persamaan (2.5) (Von Der Hardt dan Rottger, 1981).

$$U_G = \left(\frac{L_s}{L_f} \right) D = \left(\frac{L}{D} \right)^{-1} L_f \quad (2.5)$$

Pada kebiasaannya nilai $L_f \ll L_s$ dan ini menyebabkan nilai U_G bergantung sepenuhnya kepada nilai songsangan L/D , di mana nilai L/D yang besar akan mengurangkan nilai U_G sekaligus memberikan imej yang lebih baik (Dayou, 1996). Untuk mengurangkan ketidaktajaman alur, saiz bukaan D dan jarak L_f mestilah kecil manakala jarak L_s mestilah besar (Von Der Hardt dan Rottger, 1981). Akan tetapi nisbah L/D yang besar akan menyebabkan keamatan fluks yang rendah diperolehi pada kedudukan pengesan. Oleh itu adalah perlu nilai L/D yang bersesuaian digunakan untuk mengelakkan konflik antara ketidaktajaman alur dan keamatan fluks.

2.5 Sumber Neutron Monokromat

Sumber neutron monokromat adalah sumber neutron yang berada pada julat tenaga yang tertentu. Sumber inilah yang diperolehi daripada kemudahan SANS. Di kemudahan SANS, sumber neutron yang digunakan mempunyai panjang gelombang 0.5 nm dengan nisbah $L/D = 70$. Berdasarkan Jadual 2.2, ia diklasifikasikan sebagai neutron terma, akan tetapi oleh kerana nilai tersebut berada dalam nilai peralihan antara sumber neutron terma dan sumber neutron sejuk ia lebih dikenali sebagai neutron terma-sejuk (Rawi *et al.*, 2006).

Oleh itu, bolehlah dianggap bahawa penggunaan sumber ini akan menghasilkan keputusan yang hampir sama dengan penggunaan neutron sejuk, di mana kelas neutron sejuk didapati mempunyai keratan rentas yang tinggi untuk sesetengah unsur. Di samping itu, penggunaan neutron pada panjang gelombang 0.5 nm membolehkan kesan

serakan diminimumkan disebabkan nilai panjang gelombang yang melebihi nilai pemotongan Bragg bagi kebanyakan bahan logam iaitu 0.4 nm dan sekaligus sumber neutron yang digunakan dapat menembusi bahan ujian tanpa mengalami sebarang kesan serakan yang nyata (Baechler *et al.*, 2002; Kardjilov *et al.*, 2004). Keadaan ini turut menyaksikan sumber neutron monokromat mampu menembusi kebanyakan bahan logam seperti Al, Fe, Cu, Ni dan Pb dengan mudah. Penggunaan sumber monokromat ini juga menepati apa yang dikehendaki oleh hukum penyerapan Lambert, di mana hukum tersebut menyatakan bahawa sinar yang digunakan di dalam pembinaan semula imej hendaklah bersifat monokromat bagi mendapatkan nisbah pengecilan yang tepat (ASTM, 2005).


2.6 Pengesan Neutron

Pada masa ini terdapat tiga jenis pengesan neutron yang banyak digunakan di dalam kaedah tomografi neutron. Antaranya ialah pengesan berasaskan kebuk gas seperti pengesan PSD, pengesan berasaskan sintilator seperti pengesan kamera CCD dan pengesan flat panel yang berasaskan semikonduktor.

2.6.1 Pengesan Sensitif Kedudukan (PSD)

Pengesan PSD adalah pengesan yang mampu mengesan dengan tepat kedudukan tindakbalas nuklear yang berlaku di dalam pengesan. Selain itu, ia juga mengukur amplitud isyarat yang terhasil di kedudukan tersebut. Pengesan PSD dibina berasaskan kebuk tekanan gas dan kebiasaannya diisi dengan gas yang mempunyai keratan rentas penyerapan neutron yang tinggi di mana gas ini akan bertindakbalas dengan partikel-partikel neutron yang melalui permukaan pengesan untuk menghasilkan isyarat yang dikehendaki. Daripada tindakbalas tersebut, elektron-elektron yang dihasilkan akan

terbebas dan bergerak ke arah anod dan sekaligus memberikan isyarat elektrik yang diperlukan. Rajah 2.9 menunjukkan pengesan PSD 1-dimensi yang digunakan di dalam eksperimen.



Rajah 2.9: Gambaran am bagi pengesan PSD yang digunakan

Gas yang digunakan di dalam pengesan PSD adalah gas Helium ataupun He^{3+} . Ini disebabkan gas Helium mempunyai kadar interaksi tinggi dengan neutron terutamanya neutron monokromat. Selain itu, gas Helium didapati tidak berbahaya kepada manusia sekaligus menjadikannya bersesuaian untuk digunakan sebagai medium utama dalam pengesan PSD. Bagi mendapatkan keputusan yang terbaik, kajian mendapati gas Helium perlu dicampurkan dengan unsur lain (Oed, 2004). Antara campuran yang bersesuaian ialah gas He^{3+} dengan gas argon (Oed, 2004) ataupun gas propana, C_3H_8 dan gas karbon florida CF_4 (Smith, 2002) di mana campuran ini mampu menghasilkan resolusi pengesanan yang lebih baik. Campuran gas Helium dengan gas-gas yang lain akan menyebabkan jarak di antara proton dan triton menjadi semakin kecil, sekaligus akan meningkatkan resolusi pengesanan (Smith, 2002).

Selain itu, pemilihan tekanan gas juga adalah faktor lain yang mempengaruhi resolusi pengesanan. Peningkatan tekanan gas di dalam kebuk akan menyebabkan